



**RUMPUT**  
sambau mempunyai  
sejarah penggunaan  
dalam amalan perubatan  
tradisional seluruh dunia.

# Rumpai paling teruk kekal berguna

**RUMPUT** sambau (*Eluesine indica*) disenarai sebagai antara 10 rumpai paling teruk di dunia kerana perlu bersaing dengan pokok sawit untuk mendapatkan cahaya, air, ruang dan nutrisi.

Jika pertumbuhan rumput tidak dikawal, ini akan menimbulkan ancaman besar kepada keselamatan makanan, biodiversiti, ekosistem dan seterusnya kesihatan dan kesejahteraan manusia.

Rumput ini mudah ditemui di kawasan pertanian seperti kebun sayur-sa-

yuran, tanaman dan juga di tapak semaian kelapa sawit. Namun ia rumpai biasa di sepanjang jalan dan turapan.

Malah rumput ini mungkin tidak begitu menarik dalam bidang penanaman namun kegunaan tradisional rumput sambau dan penyelidikan saintifik terkini memberi gambaran berbeza.

Menurut Pensyarah Kanan Jabatan Sains Perhutanan, Fakulti Sains Pertanian dan Perhutanan, Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB), Dr Kee-

ren Sundara Rajoo, rumput sambau mempunyai sejarah penggunaan yang lama dalam amalan perubatan tradisional di seluruh dunia.

“Di India, pucuk muda dimakan sebagai sumber makanan berkhasiat manakala akar dan bijinya dijadikan ubat tradisional untuk merawat pelbagai penyakit seperti asma, demam dan jangkitan saluran kencing.

“Di Malaysia, rumput sambau lazimnya tidak dimakan, tetapi khasiat perubatannya amat diiktiraf.

“Ia digunakan dalam perubatan tradisional Melayu untuk bersalin, membantu melegakan kesakitan dan gejala selesema. Ilmu tradisional ini menonjolkan potensi rumput sambau sebagai sumber perubatan semula jadi,” katanya.

Manakala Pensyarah Kanan Jabatan Sains Tanaman, Fakulti Pertanian, UPM, Ts Dr Norazua Zakaria pula menyatakan tinjauan literatur mendedahkan rumput sambau juga digunakan untuk membantu merawat keradangan dan gangguan berkaitan imun.

Kajian menunjukkan tumbuhan itu kaya dengan pelbagai fitokimia yang bermanfaat termasuk flavonoid, steroid, dan asid lemak.

Sebatian itu ada sifat antioksidan, antimikrob dan anti-radang yang berpotensi menjelaskan keberkesanannya tumbuhan dalam merawat beberapa penyakit.

Pada masa sama, rumput sambau juga mempunyai sifat antimikrob tumbuhan yang boleh merawat jangkitan saluran kencing.